

# Gandingan ulama, umara perkukuh masjid

6

**P**ERSATUAN Mahasiswa Islam Universiti Putra Malaysia (PMIUPM) ingin merakamkan tahniah kepada *Berita Harian* di atas liputan dibuat secara khusus sepanjang Muzakarah Imam Peringkat Kebangsaan 2007 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Liputan itu dapat membantu memberi maklumat terkini berkaitan pelbagai isu dibincangkan pada muzakarah berkenaan.

Kami, mahasiswa Islam amat berminat untuk mengetahui perkembangan terkini perbincangan pada peringkat imam. Semalam, kerajaan disaraskan menubuahkan Perbadanan Amanah Masjid Berhad bagi mengumpul dan menjana sumber kewangan kira-kira 10,000 masjid serta surau di seluruh negara, dalam usaha meningkatkan ekonomi umat Islam.

PMIUPM melihat usaha itu wajar disambut dengan penuh sokongan demi meningkatkan ekonomi dan maruah umat Islam sendiri. Cadangan itu dilihat begitu realistik dan wajar direalisasikan kerajaan. Perkara paling penting dalam hal ini ialah agenda membasmikan kemiskinan dan menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan ekonomi pada peringkat kariah.

Pada muzakarah yang dihadiri kira-kira 3,900 imam seluruh negara, program lima hari yang bermula Isnin lalu, Pensyarah Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Nik Kamal Wan Mohammad, berkata pelbagai kegiatan boleh dilaksana menerusi sumbangan setiap masjid yang menjadi pemegang saham perbadanan itu.

Selain itu, peranan masjid sebagai tempat pengajian ilmu dan pusat masyarakat perlu diperkasakan pada masa sama. Tinjauan Exco PMIUPM di sekitar Hulu Terengganu baru-baru ini melihat masjid kurang diserikan dengan majlis ilmu dan kesyiarakan. Pemerksaan peranan masjid mampu menarik minat remaja untuk datang ke masjid.

Di samping itu, PMIUPM amat ber-setuju dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahukan gandingan ulama dan umara (pemerintah) yang terjalin sejak negara mencapai kemerdekaan dalam memakmurkan negara serta mewujudkan keharmonian antara rakyat terus dipertingkatkan dalam memacu kemajuan.

Gabung jalin antara ulama dengan umara menjadi tradisi kepemimpinan Islam sejak dari zaman Khulafa ar-Rasyidin lagi. Elemen paling ditekankan ialah ulama berperanan memastikan hala tuju kerajaan benar-benar tidak bercanggah dengan Islam dan memastikan hukum Islam didaulatkan, manakala umara (pemerintah) perlu menggunakan kepakaran profesionalisme mereka dalam memajukan sebuah negara.

Gabungan jitu antara ulama dengan umara amat perlu diperkasakan memandangkan kerosakan akidah dan akhlak begitu kritikal dewasa ini. Namun, perkara sering menjadi polemik kepada penggabungan ini ialah sikap ingin menegakkan pandangan masing-masing.

Bagi merealisasikan saranan Perdana Menteri kita itu, sewajarnya kedua-dua pihak menolak ego masing-masing dan berfikiran terbuka terhadap setiap pandangan dikeluarkan dan memastikan perbincangan tidak terkeluar daripada panduan al-Quran dan sunnah.

PMIUPM berharap agar konsep gabungan ulama dan umara dapat difahami dengan skop lebih luas. Intipati yang cukup penting untuk kita sama-sama fahami ialah setiap kemajuan dan tindakan kita seharusnya selari dengan pandangan ulama.

Tidak kiralah sebarang program, kemajuan atau tindakan yang hendak dilakukan kerajaan mahupun swasta dan pertubuhan sewajarnya menjadikan ulama sebagai tempat rujuk.

**MOHD HASSAN SUKIMAN,**

16 JUN 2007 Presiden, Persatuan  
BERSAMA-SAMA Mahasiswa Islam UPM.  
*BERITA HARIAN*